



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**

**PEMAKLUMAN RASMI  
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**PENGOPERASIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR SECARA FIZIKAL KE  
KAMPUS BAGI SEMESTER II, SESI AKADEMIK 2021/2022  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Merujuk kepada pengumuman rasmi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 2 Tahun 2022 kerkenaan Kemasukan Pelajar Secara Fizikal ke Kampus bagi Semester II bagi Sesi Akademik 2021/2022 dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) berkenaan Pemakluman Rasmi Bilangan 1 Tahun 2022 mengenai Kenyataan Media Menteri Kanan Kementerian Pertahanan Malaysia: Kemasukan Pelajar Ke Ipt Kementerian Pengajian Tinggi Secara Berperingkat, pihak universiti telah menetapkan beberapa mekanisme kawalan pergerakan para pelajar secara berfasa bagi memastikan pergerakan adalah terkawal. Semua para pelajar perlu mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) bagi pengoperasian kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus.

**A. PELAJAR SEDIA ADA YANG KEKAL BERADA DI KAMPUS DAN TIDAK PULANG  
KE KAMPUNG HALAMAN**

1. Semua pelajar **PERLU** mengemaskini status vaksin melalui *E-community – Vaccine Information*

2. Mengesahkan semula kehadiran melalui <https://community.ump.edu.my> > Sistem Pulang Ke Kampus yang akan dibuka bermula **14 Februari 2022 (Isnin) hingga 18 Februari 2022 (Jumaat)** bagi tujuan penyelarasan kemasukan ke universiti.
3. Melakukan ujian sendiri Covid-19 (dengan kos ditanggung sendiri oleh pelajar) dan mengemaskini keputusan status ujian di aplikasi UMP ADAB sebelum **07 Mac 2022** sebagai langkah kawalan dan pencegahan sebelum bermulanya sesi pengajaran dan pembelajaran atau lain-lain aktiviti yang dibenarkan oleh pihak universiti.

## **B. PELAJAR SEDIA ADA YANG PULANG KE KAMPUNG HALAMAN DAN PELAJAR YANG BAHARU DIBENARKAN KEMBALI KE KAMPUS**

### **1. Sebelum Kembali Ke Kampus**

- 1.1 Semua pelajar **PERLU** mengemaskini status vaksin melalui *E-community – Vaccine Information*
- 1.2 Semua pelajar **WAJIB** mengesahkan semula kehadiran melalui <https://community.ump.edu.my> > Sistem Pulang Ke Kampus yang akan dibuka bermula **14 Februari 2022 (Isnin) hingga 18 Februari 2022 (Jumaat)** bagi tujuan penyelarasan kemasukan ke universiti dan,
- 1.3 Mencetak atau tangkap layar (*screenshot*) **Surat Kebenaran Untuk Kembali ke Kampus** melalui Sistem Pelajar Pulang ke kampus termasuk pelajar pascasiswazah.
- 1.4 Pelajar dinasihatkan untuk kuarantin sendiri selama **7 hari** sebelum tarikh kemasukan dan **WAJIB** membuat ujian sendiri COVID-19 dalam tempoh 12 jam sebelum pendaftaran serta mengemaskini keputusan status ujian di aplikasi UMP ADAB masing-masing dan,
  - a. Jika keputusan ujian negatif (-ve), pelajar boleh kembali ke kampus
  - b. Jika Keputusan ujian positif (+ve), pelajar **WAJIB** tangguh kembali ke kampus
  - c. Jika keputusan ujian negatif (-ve) tetapi bergejala atau menjadi kontak rapat, pelajar **WAJIB** tangguh kembali ke kampus

## **2. Semasa Tiba Di Kampus**

- 2.1 Merekod daftar masuk (*check-in*) di pintu masuk utama keselamatan kampus (Scan QR Code MySejahtera) dan menunjukkan **Surat Kebenaran Untuk Kembali ke Kampus, dan keputusan ujian sendiri Covid-19 yang telah direkodkan di aplikasi UMP ADAB** pada pengawal keselamatan atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan di pintu masuk utama kampus.
- 2.2 Merekod daftar masuk (*check-in*) di pintu masuk utama residen pelajar (Scan QR Code UMP-Trace dalam aplikasi UMP ADAB) dan mengambil kunci di kawasan yang telah ditetapkan di Residen Pelajar.

## **3. 72 Jam Selepas Daftar Masuk (Check-in) di Residen Pelajar**

- 3.1 Menjalani ujian sendiri Covid-19 sekiranya bergejala dan laporkan di dalam CoSMoS PKU dan MySejahtera
  - a. Jika keputusan negatif (-ve), pelajar boleh meneruskan aktiviti harian di kampus sebagaimana biasa.
  - b. Jika keputusan positif (+ve), pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan kuarantin selaras dengan pemakluman pihak Pusat Kesihatan Universiti (PKU).

## **C. PELAJAR LUAR KAMPUS**

1. Semua pelajar **PERLU** mengemaskini status vaksin melalui *E-community – Vaccine Information*.
2. Semua pelajar **WAJIB** mengesahkan semula kehadiran melalui <https://community.ump.edu.my> > Sistem Pulang Ke Kampus yang akan dibuka bermula **14 Februari 2022 (Isnin) hingga 18 Februari 2022 (Jumaat)** bagi tujuan penyelarasan kemasukan ke universiti dan,
3. Mencetak atau tangkap layar (*screenshot*) **Surat Kebenaran Untuk Kembali ke Kampus** melalui Sistem Pelajar Pulang ke Kampus termasuk pelajar pascasiswazah.
4. Setiap kali sebelum memasuki premis universiti, pelajar perlu merekod daftar masuk (*check-in*) di pintu masuk utama keselamatan kampus (Scan QR Code MySejahtera) dan menunjukkan **Surat Kebenaran Untuk Kembali ke Kampus, dan keputusan ujian sendiri Covid-19 yang telah direkodkan di aplikasi ADAB**

pada pengawal keselamatan atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan di pintu masuk utama kampus.

5. Pelajar dinasihatkan untuk kuarantin sendiri selama **7 hari** sebelum tarikh kemasukan dan **WAJIB** membuat ujian sendiri COVID-19 dalam tempoh 12 jam sebelum kembali ke kampus serta mengemaskini keputusan status ujian di aplikasi UMP ADAB masing-masing dan,
  - a. Jika keputusan ujian negatif (-ve), pelajar boleh kembali ke kampus
  - b. Jika Keputusan ujian positif (+ve), pelajar **WAJIB** tangguh kembali ke kampus
  - c. Jika keputusan ujian negatif (-ve) tetapi bergejala atau menjadi kontak rapat, pelajar **WAJIB** tangguh kembali ke kampus
6. Sentiasa merekod daftar masuk (*check-in*) dan daftar keluar (*check-out*) di pintu masuk utama setiap premis dalam kampus melalui aplikasi UMP Trace dalam aplikasi UMP ADAB .
7. Bagi membendung penularan dan langkah pencegahan awal, semua pelajar kampus luar perlu membuat ujian sendiri COVID-19 seminggu sekali atau setiap **tujuh (7) hari** dan mengemaskini keputusan status ujian di aplikasi UMP ADAB masing-masing.

#### **D. PELAJAR YANG BELUM MELENGKAPKAN VAKSINASI**

1. Pelajar yang tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus dan kaedah kemasukan bagi pelajar dalam kategori tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam para A, B dan C.
2. Namun selaras dengan **Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan** yang dikeluarkan oleh KKM, pelajar **WAJIB** membuat ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR dan berkeputusan negatif 3 hari sebelum masuk ke kampus.
3. Pelajar juga **WAJIB** membuat ujian pengesanan COVID-19 menggunakan kaedah **RTK-Ag** dan perlu dilakukan **seminggu sekali atau setiap tujuh (7) hari**.
4. Keputusan ujian pengesanan Covid-19 hendaklah direkodkan di aplikasi UMP ADAB masing-masing dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh pihak universiti boleh pada bila-bila masa untuk menyemak status.

### E. Pematuhan SOP kemasukan pelajar.

1. Aspek keselamatan dan kesihatan pelajar adalah menjadi keutamaan UMP ketika pergerakan pelajar berlangsung. Bagi membendung penularan Pandemik COVID-19, pelajar perlu mematuhi peraturan dan merancang proses kembali ke kampus pada tarikh yang telah ditetapkan.
2. Pelajar dikehendaki muatnaik aplikasi UMP ADAB di *Google Playstore* dan *Apple Store*
3. Semua kos bagi tujuan membuat **ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR, RTK-Ag dan pengesanan sendiri Covid-19** adalah dibawah tanggungan pelajar sendiri.
4. Diingatkan agar setiap ujian pengesanan Covid-19 yang dilakukan oleh pelajar perlu dimaklumkan secara jujur bagi membendung penularan wabak di dalam kampus
5. Pelajar perlu bertanggungjawab melaporkan keputusan ujian pengesanan Covid-19 yang sebenar dan tidak melakukan pemalsuan bagi mencegah implikasi jangkitan kepada pelajar lain amnya dan seluruh warga kampus khususnya.
6. Peraturan ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pemakluman ini dan tindakan bersesuaian peraturan universiti boleh dikenakan.

### F. Tarikh Kuatkuasa

Pemakluman rasmi ini adalah berkuat kuasa pada 11 Februari 2022.

Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pasca siswazah, pelajar boleh menghubungi Institut Pengajian Siswazah (IPS) di talian 09-431 5024 atau melalui emel [ips.academic@ump.edu.my](mailto:ips.academic@ump.edu.my).

Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pra siswazah pelajar boleh menghubungi Fakulti masing-masing atau sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik/ Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa di talian 09-431 5061/09-431 5026 atau melalui emel [ppa@ump.edu.my](mailto:ppa@ump.edu.my) / [pejabat\\_tncaa@ump.edu.my](mailto:pejabat_tncaa@ump.edu.my)

Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Bilik Gerakan UMP (09-431 6999) atau melalui emel [admin\\_jhepa@ump.edu.my](mailto:admin_jhepa@ump.edu.my).

Sekian Terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

*“Teknologi untuk Masyarakat”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN )**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 10 Februari 2022

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita